

HARI :

TARIKH :

SILA SALIN NOTA DI BAWAH DI DALAM BUKU NOTA

Kesan Sosial Akibat Perkembangan Ekonomi di Negara Kita	
Perkembangan bandar  (a) Kereta api dan jalan raya menghubungkan bandar (b) Sebagai pusat perniagaan, kewangan, pendidikan dan pentadbiran (c) Contoh: Kuala Lumpur, Ipoh, Miri, Kuching, Jesselton (d) Perkembangan pesat ekonomi menambahkan bilangan bandar	Pembentukan masyarakat berbilang kaum  (a) Ciri masyarakat berbilang kaum, berbeza agama, keturunan, bahasa, budaya, sejarah, cara hidup dan nilai (b) Tempat tinggal orang Melayu di kampung, orang Cina di bandar dan orang India di ladang (c) Pekerjaan berbeza, ramai orang Melayu sebagai petani dan nelayan, orang Cina sebagai peniaga dan orang India sebagai peladang
Pembinaan penjara  (a) Pulau Pinang menempatkan banduan dari India (b) Banduan dijadikan buruh murah membina pelabuhan, bangunan, jalan raya, landasan kereta api dan penjara (c) Penjara Taiping menjadi pusat penahanan banduan hukuman lama (d) Penjara Sibu dikenali sebagai Rumah Pasong	Perkhidmatan kesihatan  (a) Bagi mengawal wabak penyakit (b) Seperti Hospital Kerajaan Taiping, Hospital Tung Shin, Hospital Kuching dan Hospital Kota Kinabalu (c) Merawat pekerja asing (d) Institut Penyelidikan Perubatan menyelidik penyakit tropika (beri-beri dan malaria) (e) Hospital Raja Brooke Memorial penempatan kusta
Perkembangan pendidikan  (a) Masyarakat berbilang kaum membawa sistem pendidikan vernakular Melayu, Cina, India dan Inggeris (b) Bahasa, kurikulum, buku dan guru dari negara masing-masing (c) Sekolah Inggeris di bandar (d) Berpeluang melanjutkan pelajaran ke luar negeri dalam bidang pentadbiran, kejuruteraan seterusnya menjawat jawatan dalam perkhidmatan kerajaan (e) Kolej Melayu Kuala Kangsar untuk anak-anak raja dan bangsawan bermatlamat melahirkan pentadbir Melayu berpendidikan Inggeris	